

Jumaat – 3 Julai 2020

Halaman : 8

Tengku Zainul sudah selesai kempen di 95 peratus kawasan

PEKAN - Memasuki hari ke-13 berkempen, calon Bebas, Tengku Datuk Zainul Hisham Tengku Hussin mendakwa sudah menjalankan kempennya meliputi 95 peratus kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini.

Beliau berkata, kawasan berkempen itu merangkumi kawasan perkampungan orang asli dan perkampungan tradisional serta sebahagian Felda Chini.

"Masih berbaki sehari lagi untuk berkempen. Alhamdulil-

lah, sudah 95 peratus kawasan saya berkempen.

"Kita yakin dapat memberi saingan sengit kepada calon Barisan Nasional (BN)," katanya ketika ditemui pemberita ketika mengadakan kempen dari rumah ke rumah di Kampung Gong di sini semalam.

Menurutnya, penerimaan pengundi disifatkan positif berdasarkan maklum balas yang diterima ketika berkempen.

Bagaimanapun, katanya, beliau mahu pengundi menilai secara tepat siapa calon yang layak menjadi wakil rakyat di DUN Chini.

"Mengundi adalah hak mereka (rakyat). Pilih siapa yang akan jadi wakil, itu terpulang kepada mereka."

"Tapi mereka perlu memberi pertimbangan sewajarnya untuk memilih siapa calon sesuai mewakili mereka pada masa akan datang," katanya.



Tengku Zainul menyantuni masyarakat orang asli di Kampung Gong, Pekan semalam.